



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا حال الحلال اكرم اسلام كسبنا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

16 RAMADAN 1444H / 07 APRIL 2023M

NUZUL AL-QURAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Dengan Kerjasama
Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 27/03/23

PEGAWAI PENYEMAK : ADAM BIN ABDUL HAY
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 04/04/2023

DIBACA PADA : 07/04/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN HJ. ALWA
Ketua Peringkat Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
NUZUL AL-QURAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

كَيْتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ، وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٤٩﴾ (سورة ص (38): 29)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ

وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan diakhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**NUZUL AL-QURAN**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar Jumaat hari ini ingin mengajak sidang jumaat sekalian, menghargai nikmat mukjizat agung Nabi Muhammad SAW al-Quran yang diturunkan dalam bulan yang mulia ini. Peristiwa penurunan al-Quran (nuzul) secara sekaligus dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah di langit dunia, berlaku pada 17 Ramadan. Seterusnya al-Quran telah diturunkan secara berperingkat kepada Rasulullah S.A.W mengikut ketetapan dan perintah Allah dalam jangka masa lebih kurang 23 tahun di Makkah dan Madinah. Al-Quran adalah sumber hidayah, rahmat, syifa' (penawar) dan pemberi penjelasan kepada manusia. Al-Quran juga dikenali sebagai an-Nur (cahaya) yang menerangi dan al-Furqan (yang dapat membezakan) di antara yang hak dan batil. Dengan segala keistimewaan yang ada pada al-Quran, semestinya semua Umat Islam dapat menghayati dan mengamalkan ajaran al-Quran sepenuhnya.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Al-Quran bukan sekadar dibaca dan dihafaz sahaja, bahkan lebih penting adalah menginsafi maqasid atau tujuan ia diturunkan. Di dalamnya penuh dengan pelbagai panduan dan falsafah kehidupan yang tinggi nilainya yang merangkumi semua aspek kemanfaatannya, sesuai dengan firman Allah taala pada surah Sad ayat 29:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ ۖ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “(al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”

(QS Sad (38):29)

Syeikh Sya'rawi Rahimuhullah ketika mentafsirkan ayat di atas menghuraikan makna kalimah 'Mubarak' iaitu benda yang sedikit tetapi manfaat dan kebaikannya jauh melebihi apa yang digambarkan. Seumpama orang yang bergaji sedikit tetapi kehidupan keluarganya mencukupi. Segala perbelanjaannya dihalakan kepada perkara yang bermanfaat dan berfaedah. Seakan hidup sebagai orang yang kaya.

Maksud al-Quran Mubarak ialah ayat-ayatnya punyai keberkatan dari sudut hukum zahir di mana ia mentarbiyahkan jiwa untuk hidup dengan istiqamah. Hakikatnya istiqamah tidak memberi beban walaupun sedikit dan yang membebankan manusia ialah penyelewengan. Kerana itu sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud:** “*Sesungguhnya orang mukmin makan dengan perut yang satu dan orang kafir makan dengan tujuh perut.*”

(HR al-Bukhari)

Seterusnya Syeikh Sya'rawi mentafsirkan maksud tadabbur ayat-ayatnya ialah bukan melihat secara luaran tetapi memerhatikan kandungan ayat dengan berfikir dan memandang jauh serta melihat kepada kesudahan.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Malangnya ramai orang islam yang mensia-siakan alquran sepertimana yang dinyatakan oleh Imam abu Hayan al-Andalusi tentang kerosakkan yang banyak terjadi saat ini. Banyak manusia tidak tunduk dan patuh pada al-Quran. Banyak manusia yang bahkan tidak bergetar saat al-Quran dibacakan. Boleh jadi hal itu karena banyak hati manusia yang sudah mengeras. Bahkan lebih keras dari batu.

Tak sedikit pun terpengaruh oleh bacaan al-Quran. Apalagi tergerak untuk mengamalkan isinya dan menerapkan hukum-hukumnya. Padahal setiap tahun Nuzulul Quran diperingati. Bahkan setiap hari mungkin al-Quran sering dibaca atau diperdengarkan.

Jika demikian keadaannya, Allah SWT sungguh telah mengingatkan kita:

أَفَلَا يَتَذَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *“(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?”*

(QS Muhammad (47): 24)

Maksud pada ayat ini, menurut Imam as-Samaqandi, “Apakah mereka tidak mendengarkan al-Quran? tidak mengambil pelajaran dari al-Quran? dan tidak memikirkan apa yang telah Allah SWT turunkan dalam al-Quran berupa janji dan ancamannya serta banyaknya keajaiban di dalamnya sehingga

dengan itu mereka faham bahwa Al-Qur'an benar-benar dari sisi Allah? Ataukah hati mereka telah tertutup?" (As-Samarqandi, Bahr al-'Ulum). Marilah kita jadikan al-Quran sesuai dengan fitrah dan matlamat penurunannya kepada semua makhluk sepertimana firman Allah taala dalam surah al-An'am ayat 155:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya: "Al-Qur'an itu adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati. Kerana itu ikutilah kitab tersebut dan bertakwalah agar kalian diberi rahmat."

(QS al-An'am (6):155)

JEMAAH JUMAAT YANG DBERKATI ALLAH,

Jangan kita menjadi sebahagian besar orang yang mendapat kutukan serta dilaknat oleh al-Quran jika salah ketika membacanya. Namun berapa ramai yang benar-benar takut dilaknat oleh Allah kerana meninggalkan Quran sepenuhnya ataupun sebahagian daripadanya? Imam Ibnu Katsir menjelaskan maksud meninggalkan Quran itu seperti berikut :

Pertama - Tidak membaca al-Quran dan tidak mahu mendengarkannya.

Kedua - Tidak beriman dengan ajaran Al-Quran.

Ketiga - Tidak mengkaji dan memahami al-Quran.

Keempat - Tidak membenarkan isi kandungan al-Quran.

Kelima - Tidak mengamalkan ajaran al-Quran.

Keenam - Tidak meninggalkan larangannya dan,

Ketujuh - Serta berpaling daripada al-Quran kepada yang lain.

Maka di bulan Ramadan inilah mimbar sekali lagi mengajak Jemaah sekalian agar dapat mengambil peluang yang terbaik bagi kita untuk mengelakkan diri agar tidak tergolong dalam kalangan mereka yang meninggalkan al-Quran. Bacalah, khatamkanlah, fahami dan hayatilah isi kandungan al-Quran jika kita benar-benar beriman bertaqwa serta cintakan al-Quran.

Firman Allah menerusi Surah al-Waqiah, ayat 77-81 :

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾ فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾ لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾ تَنْزِيلٌ

مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾ أَفَبِهَذَا الْحَدِيثِ أَنْتُمْ مُّدْهِنُونَ ﴿٨١﴾

Maksudnya: “Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara, Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci; al-Quran itu diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. Patutkah kamu (wahai golongan yang kufur ingkar) bersikap sambilan terhadap keterangan-keterangan al-Quran ini?”

(QS al-Waqiah (56):77-81)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّيِّيسِ
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan
serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan
sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah
mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,
mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai.
Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon
pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan
cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum
balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.